# KUALITI

Edisi Januari - Jun 2025




Kebersamaan dalam Pemerkasaan Peranan Unit Kualiti

*MeQKU 2025*

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit Dalam PTj bersama Ketua Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*




eISSN 2976-2596

9 772976 259003

# WEBINAR AKNC KRITERIA 4: PENGUKURAN, ANALISA DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad




Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Webinar Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025 bagi Kriteria 4: Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan pada 7 April 2025 yang berlangsung secara dalam talian melalui platfom Microsoft Teams. Webinar ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 147 orang peserta daripada seluruh UiTM yang komited untuk mendalami dan memahami lebih lanjut berkaitan dengan penulisan laporan AKNC.

Webinar ini dimoderatorkan oleh Dr. Nik Azlin binti Nik Ariffin, Ketua Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA. Webinar ini bertujuan memberikan penerangan terperinci dan berfokus mengikut kriteria utama iaitu Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.

Sesi Kriteria 4 ini telah disampaikan oleh Pakar Rujuk AKNC iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Fariz bin Mohamad Taib yang juga merupakan Ketua Perancangan Strategik dan Prestasi Universiti di Pejabat Transformasi Universiti. Taklimat untuk kriteria 4 ini menitikberatkan kepada pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan. Ianya bertujuan untuk memberikan pemahaman konsep anugerah kualiti dan bukan hanya pada rubrik sahaja.

Selain itu, webinar ini juga adalah untuk membantu peserta memahami penulisan AKNC terutamanya dalam kriteria 4, di mana analisa dan pengurusan pengetahuan perlu berdasarkan kepada bidang tumpuan yang dipilih seperti penyelidikan, pembangunan pelajar atau kewangan.

Kaedah pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan dibincangkan untuk pelbagai bidang dan memberi panduan mengenai kaedah penilaian untuk pertandingan dan penulisan dokumen AKNC.

Tambahan lagi, penulisan kriteria 4 adalah amat penting untuk melaporkan pilihan bidang tumpuan dan memastikan pelaksanaannya melalui pengukuran dan analisa. Pembuktian melalui dokumen sokongan juga penting bahawa semua laporan yang dibuat adalah berdasarkan kepada pelaksanaan sebenar.

Dalam sesi ini, penceramah memberi tips berharga untuk mendapatkan markah tinggi dalam penilaian, termasuk penggunaan kaedah 3W 1H *(Why, Who, When, dan How)* dalam penulisan laporan.

Setiap penulisan perlu disokong dengan bukti-bukti yang relevan dan meyakinkan, memastikan laporan tidak hanya memenuhi kriteria tetapi juga mencerminkan pelaksanaan sebenar.

Pada akhir sesi, peserta dapat membawa pulang panduan berguna dalam menghasilkan laporan yang mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam AKNC kriteria 4. Dengan pemahaman mendalam dan aplikasi yang tepat, penulis dapat menulis dengan lebih baik serta mencapai sasaran dalam setiap kriteria di sampaikan dengan lebih sistematik dan dapat mencapai tahap penilaian yang lebih baik dalam sistem penilaian AKNC.

Webinar ini bukan sahaja memperkasa peserta dalam penulisan laporan, tetapi juga menyemarakkan semangat kolaborasi dan inovasi dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik di UiTM.

# KUALITI

Edisi Januari - Jun 2025

**HAK CIPTA DAN PENAFIAN**

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor

UiTM di hatiku اوسها، تقوى، موليا

https://inqka.uitm.edu.my @inqka @inqkauitm @InQKAUiTM InQKA UiTM @inqkauitm6101 @inqka_uitm



eISSN 2976-2596
9772976259003